

BPPA

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET • CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU

DIREKTORI BPPA: 03-2610 (samb.) Pengarah : 7501 UPPAK : 7505 UPPAM : 7187 UPPF : 7506 UPKT : 7665

EMEL: bppa@jkr.gov.my

PENGURUSAN FASILITI KERAJAAN

Apakah itu Pengurusan Fasiliti ?

Dalam Bahasa yang mudah, Pengurusan Fasiliti adalah aktiviti yang dilaksanakan untuk memastikan bisnes utama sesebuah premis berjalan lancar. Memastikan empat (4) elemen utama iaitu premis, pengguna, proses kerja dan teknologi bersinergi antara satu sama lain adalah keunikan Pengurusan Fasiliti yang membezakannya daripada pengurusan lain.

Apakah yang anda tahu mengenai Pengurusan Fasiliti?

Adakah praktis Pengurusan Fasiliti kita sekarang sama dengan standard antarabangsa?

2. Pengguna

Siapa pengguna premis ?

Pengguna Dalaman

- Pemegang taruh (stakeholder)
- Kakitangan tetap
- Kakitangan sementara
- Kakitangan kontrak

Pengguna Luaran

- Pelanggan yang datang berurusan dengan organisasi

Bagaimana mengurus pengguna ?

ASL

Agreed Service Level

KPI

Key Performance Indicator

Pengguna adalah elemen yang paling kritikal dalam premis. Ia sentiasa berubah samada mengikut keperluan atau kehendak. Pengurusan Fasiliti bukan sahaja perlu mengurus semua kesulitan dan masalah yang dihadapi secara kes per kes tetapi juga perlu mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam ASL dan KPI.


4 Elemen Dalam Pengurusan Fasiliti



1. Premis

Apakah yang ada di dalam sesebuah Premis?

1. Sivil dan Struktur
2. Perkakasan Elektrik
3. Perkakasan Mekanikal
4. Perkakasan ID/ Senibina
5. Lanskap
6. Perkakasan Teknologi



Bagaimana kesemua elemen disatukan?


Kerja Kustodial

- Pembersihan
- Lanskap
- Kawalan Makhluk Perosak
- Keselamatan

Pengurusan Fasiliti (FM)

- Penyenggaraan
 - Baik pulih
 - Penggantian
- Pengurusan Tenaga
- Operasi sistem
- Khidmat Nasihat Teknikal

3. Proses



Kakitangan di premis dapat menjalankan semua proses kerja yang penting bagi mencapai objektif organisasi dengan lebih berkesan kerana Pengurusan Fasiliti memastikan:

PERSEKITARAN



Kondusif
Bersih
Selesa

KOMPONEN



Berfungsi
Selamat



4. Teknologi



Antara teknologi yang ada di dalam sesebuah premis:

- Teknologi informasi
- Teknologi hijau
- Teknologi mekanikal
- Teknologi komunikasi
- Lain-lain

Pengurusan Fasiliti memastikan teknologi tersebut memberi manfaat yang maksimum kepada pengguna di dalam sesebuah premis dengan menjamin kefungsi teknologi tersebut untuk aktiviti harian pengguna

Siapakah yang terlibat dalam mengurus fasiliti ?

Pengurusan Fasiliti boleh dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Ia boleh dilaksanakan oleh Pasukan Dalaman sekiranya organisasi mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakannya atau organisasi boleh juga melantik pihak lain menguruskan fasiliti tersebut seperti melantik kontraktor Pengurusan Fasiliti.

PASUKAN DALAMAN

Bilangan kakitangan	• Ramai
Kompetensi	• Ada
Peruntukan	• Minimum
Kompleksiti premis	• Rendah
Keutamaan Pelanggan	• Rendah

LANTIKAN TENAGA LUAR

Bilangan kakitangan	• Sedikit
Kompetensi	• Ada
Peruntukan	• Mencukupi
Kompleksiti premis	• Tinggi
Keutamaan Pelanggan	• Tinggi

Pada masa ini, terdapat 5979 premis pejabat kerajaan di seluruh Malaysia yang menggunakan Pengurusan Fasiliti (di bawah tanggungjawab JKR sahaja)

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

01



ASET

Jangka hayat aset dapat dicapai atau dilangkaui oleh kerana aset tersebut disenggara mengikut jadual.

02



PENGGUNA

Pengguna dapat bekerja dalam keadaan yang kondusif dan selesa

03



ORGANISASI

Produktiviti meningkat dan objektif organisasi tercapai kerana pengguna / kakitangan bekerja tanpa gangguan

04



KERAJAAN

Agensi yang produktif dan efisien memberi nilai tambah kepada kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan secara keseluruhan



PROGRAM-PROGRAM BPPA



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK) ----- BIL.1 TAHUN 2021

TARIKH : 22 FEBRUARI 2021
(ISNIN)

MASA : 9.30 PAGI



Mesyuarat JPAK Bil 1 / 2021

22 Februari 2021
Dalam Talian

Dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara serta dihadiri ahli-ahli JPAK (JKR, KKR, JANM, MOF, JKPTG, JPA, MAMPU, EPU, JPPH dan Jabatan Audit secara dalam talian.

Mesyuarat JPAK yang diadakan ini adalah merupakan medium terbaik dalam merencana segala hala tuju dan polisi pengurusan aset kerajaan bagi memastikan pengurusan aset kerajaan dapat diuruskan secara sistematik, holistik dan lestari



Jerayawara Pengurusan Aset Menyeluruh

20 - 21 Mac 2021
Dalam Talian

Jemputan: JKR Melaka, Negeri Sembilan,
Johor, Selangor, WPKL, WPP & Labuan dan
CREaTE



Tujuan program adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM)



PROGRAM-PROGRAM BPPA

Menghasilkan modul pertengahan yang lengkap yang memberi manfaat kepada warga JKR dan mereka yang terlibat dengan kontrak FMM.

Memastikan modul yang dihasilkan mengambil kira pandangan pegawai berpengalaman yang berada di lapangan.

Mencungkil bakal-bakal *trainers* yang berkualiti dan berkeupayaan dalam memberikan latihan dan taklimat yang efisien kepada peserta kursus pada masa akan datang.

Mendapatkan maklumbalas berkenaan kit latihan yang telah dibangunkan dan memastikan kit latihan selaras dengan keperluan semasa



Mesyuarat Penyelarasan Modul Pertengahan Bagi Kontrak Pengurusan Fasilitas Dan Penyelenggaraan (FMM)

**Hotel Lexis , Port Dickson
24 - 26 Mac 2021**

Mesyuarat Penambahbaikan Garis Panduan Pengurusan Lukisan Siap Bina (LSB) dan Lukisan Terukur (LT)

**Bilik Giat Bestari, BPPA
5 April 2021**

Membuat penambahbaikan Garis Panduan Pengurusan Lukisan Siap Bina sedia ada selaras dengan keperluan masa kini supaya pengumpulan dan penyimpanan LSB serta LT lebih sistematik dan seragam.

Mesyuarat *Transfer Of Knowledge* Pendaftaran Aset Tak Alih (Bangunan) Bagi Zon Tengah

**Hotel Avillion Port Dickson
5 – 7 April 2021**

Memberi pendedahan kepada JKR Negeri dan Daerah bagi Zon Tengah serta wakil pemilik aset untuk mendaftarkan aset tak alih Kerajaan beserta membuat *hands on* pengisian borang pendaftaran aset tak alih dan menyampaikan maklumat peranan fungsi dan tanggungjawab Pegawai Portfolio.



SIDANG REDAKSI NEWSLETTER BIL.1/ 2021

Ir. Harjit Singh a/I Inder Singh

Ir. Faizul Azlan bin Loman

Pn. Maziah binti Abu Hassan
Pn. Lenny Sheryme binti Jasmin
Ar. Norashyiken binti Azali

PENASIHAT

KETUA EDITOR

EDITOR

